

Kecenderungan Pengundi Baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15

New Voter Tendency in the 15th General Election

MOHD MAHADEE ISMAIL^{1*}, ZATUL HIMMAH ADNAN¹, MOHD SOBHI ISHAK²

¹*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia*

²*Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author:mahadee@upm.edu.my

Received: 1 April 2023 Accepted: 29 May 2023

Abstrak

Makalah ini membincangkan tentang kecenderungan pengundi baharu yang pertama kali mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), jumlah pengundi baharu yang pertama kali mengundi adalah sekitar 6.2 juta orang di mana seramai 1.3 juta pengundi berusia di antara 18 hingga 20 tahun. Oleh kerana mereka adalah kumpulan pertama kali mengundi, maka kecenderungan sokongan politik mereka tidak jelas. Banyak pihak tertanya-tanya ke mana hala tuju sokongan politik mereka khususnya dalam persaingan banyak penjuru yang melibatkan kerjasama politik besar seperti Perikatan Nasional, Pakatan Harapan, Barisan Nasional dan Gerakan Tanah Air. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk mengupas kecenderungan pengundi baharu semasa tempoh masa berkempen PRU15 yang lalu melalui survei yang dilaksanakan secara atas talian. Survei tersebut dilaksanakan secara terbuka dengan sasaran kepada mereka yang layak untuk mengundi dan seramai 1438 orang responden telah memberi maklum balas. Hasil kajian menunjukkan 91 peratus daripada jumlah keseluruhan responden akan keluar mengundi dan mereka cenderung untuk memilih wakil rakyat yang berintegriti dan bebas rasuah, tidak mungkir janji serta berpendidikan tinggi. Sebahagian besar kumpulan responden juga cenderung untuk menyokong aliran politik yang bersifat nasional. Dari itu, pengundi baharu yang pertama kali mengundi dilihat sudah mempunyai tingkat intensiti literasi politik yang baik. Mereka menjadi penentu perubahan arus sokongan politik yang tidak terkait dengan eleman politik naungan sepertimana generasi dahulu. Mereka juga boleh manjadi pemangkin kepada perubahan dalam masyarakat umumnya dan kepimpinan negara khususnya.

Kata kunci: Pengundi Baharu; Undi18; Belia; PRU15; Malaysia

Abstract

This paper discusses the tendency of new voters to vote for the first time in the 15th General Election (GE15). Based on the statistics released by the Election Commission (SPR), the number of new voters who voted for the first time is around 6.2 million, of which 1.3 million are between 18 and 20 years old. Since they are a group of first-time voters, the tendency of their political support could be unclarer. Many parties wonder where their political support is headed, especially in the many-cornered competition involving extensive political cooperation such as Perikatan Nasional, Pakatan Harapan, Barisan Nasional, and Gerakan Tanah Air. Accordingly, this paper aims to examine the tendency of new voters during the last GE15 campaign period through an online survey. The survey was conducted openly with the target of eligible voters, and 1438 respondents have given feedback.

The study results show that 91 percent of the total number of respondents will go out to vote, and they tend to choose elected representatives who have integrity and are free of corruption, do not break promises, and are highly educated. Most of the group of respondents also tend to support national political trends. From that, new voters who vote for the first time have a good intensity of political literacy. Therefore, they become the determinants of changes in the current political support unrelated to political patronage elements like previous generations. They can also be catalysts for change in society in general and the country's leadership in particular.

Keywords: New Voters; Vote18; Youth; GE15; Malaysia

Pengenalan

Sistem demokrasi di Malaysia terus berkembang rancak seiring dengan kepesatan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang cukup canggih hari ini. Perkembangan alaf baharu ini turut menuntut transformasi yang menyeluruh bukan sahaja dalam gaya hidup tetapi mencakupi cara gaya berpolitik. Selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), apabila berlaku pertukaran kerajaan buat pertama kalinya dalam sejarah negara, sistem demokrasi juga terus dituntut untuk diperkasa dalam segenap aspek kehidupan terutamanya dalam konteks untuk melestarikan hak masyarakat terbanyak. Implikasinya, Parlimen Malaysia telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Perlombagaan (Pindaan) 2019 yang menurunkan had umur pengundi kepada 18 tahun dan ke atas berbanding dengan umur 21 tahun sebelum ini.¹ Kelulusan tersebut mendapat sokongan majoriti dua pertiga ahli parlimen Malaysia dalam tiap-tiap Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Penurunan had umur pengundi adalah suatu yang dijangkakan apabila ramai golongan belia diberi kesempatan untuk mengambil bahagian yang lebih aktif dalam politik negara. Pengiktirafan hak mengundi kepada belia yang berusia 18 tahun dan ke atas bertujuan untuk memberi peluang yang besar, ruang yang lebih luas serta spektrum politik yang lebih terbuka dalam mendengar suara mereka di pentas demokrasi yang lebih matang. Perkembangan tersebut membawa satu senario baharu dalam proses demokrasi di Malaysia apabila individu yang mencapai usia 18 tahun adalah layak menjadi pengundi walaupun mereka tidak mendaftar dalam senarai pemilih SPR seperti amalan sebelum ini. Peluang dan kesempatan yang diberikan tersebut bukan sahaja sebagai pengiktirafan kematangan politik terhadap generasi muda di negara kita, akan tetapi sebagai interpretasi dinamika politik baharu yang bergerak menuju perubahan lebih tuntas, holistik dan inklusif sifatnya. Tindakan mengiktiraf pengundi pada usia 18 tahun dan pendaftaran secara automatik dapat membawa sesuatu yang signifikan positif khususnya dalam konteks untuk menggalakkan pengundi baharu mengambil bahagian dalam proses pilihan raya. Perkara ini menjadi alternatif penyelesaian kepada generasi muda yang tidak mendaftar sebagai pengundi.

Selain itu, bermula 15 Disember 2019, Parlimen menerusi Akta Pilihan Raya 1958 telah bersetuju meminda peraturan berkaitan pendaftaran pemilih daripada secara permohonan kepada Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA).² Menjelang Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), jumlah pengundi baharu yang pertama kali mengundi adalah sekitar 6.2 juta orang di mana seramai 1.3 juta pengundi berusia di antara 18 hingga 20 tahun.³ Pengundi baharu ini merujuk kepada warganegara yang cukup syarat sebagai pemilih dan belum pernah mengundi,⁴ khususnya selepas pelaksanaan sepenuhnya Undi18. Oleh kerana mereka adalah kumpulan pertama kali mengundi, maka kecenderungan sokongan politik mereka tidak jelas. Persoalan siapa yang menjadi pilihan pengundi baharu ini menjadi tanda tanya yang cukup besar memandangkan bentuk dan hala tuju politik mereka belum dapat dipastikan, belum ada sebarang pola mahupun tanda sokongan. Mereka juga dikatakan sedang cuba memahami

pola dan bentuk politik Malaysia yang sejak kebelakangan ini cukup mencabar, sedikit tergugat dan kurang stabil khususnya selepas PRU14 yang memperlihatkan tiga kali berlaku pertukaran Perdana Menteri dan barisan kabinet Malaysia. Maka dengan itu, mana-mana kerjasama politik yang bijak mengambil kesempatan meraih sokongan golongan pengundi baharu ini dilihat akan mendapat manfaat yang besar terutama dalam persaingan banyak penjuru yang melibatkan kerjasama politik besar seperti Perikatan Nasional (PN), Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN) dan Gerakan Tanah Air (GTA).

Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk membincangkan tentang kecenderungan pengundi baharu atau pertama kali mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) tahun 2022. Bagi mencapai tujuan tersebut, satu kajian berbentuk survei telah dilaksanakan sebelum berlangsungnya hari pengundian pada 19 November 2022.

Sorotan Literatur

Kajian terhadap pengundi baharu, golongan belia dan pengundi 18 tahun (UNDI18) ke atas banyak mendapat tumpuan sejak kebelakangan ini. Sejak Pilihan Raya ke 14 (PRU14), isu pengaruh dan kepentingan pengundi muda kepada keputusan pilihan raya telah pun menjadi perhatian banyak pihak.⁵ Perhatian terhadap hal ini seiring dengan perkembangan dan pengiktirafan yang diberikan kepada mereka selepas pindaan perlombagaan yang meluluskan had umur mengundi kepada 18 tahun ke atas yang didaftarkan secara automatik (PPSA) oleh SPR. Penglibatan pengundi berusia 18 hingga 20 tahun buat pertama kalinya menerusi Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor telah menjadi perhatian ramai.^{6,7} Perkembangan tersebut membawa satu senario baharu dalam proses demokrasi di Malaysia apabila individu yang mencapai usia 18 tahun adalah layak menjadi pengundi walaupun mereka tidak mendaftar dalam senarai pemilih SPR sepiantara praktis sebelum ini. Peluang dan kesempatan yang diberikan tersebut bukan sahaja sebagai pengiktirafan kematangan politik terhadap generasi muda di negara kita, akan tetapi sebagai interpretasi dinamika politik baharu yang bergerak menuju perubahan lebih tuntas, holistik dan inklusif sifatnya. Tindakan mengiktiraf pengundi pada usia 18 tahun dan pendaftaran secara automatik dapat membawa sesuatu yang signifikan positif khususnya dalam konteks untuk menggalakkan pengundi baharu mengambil bahagian dalam proses pilihan raya. Perkara ini menjadi alternatif penyelesaian kepada generasi muda yang tidak mendaftar sebagai pengundi.⁸ Kajian yang dilaksanakan dalam kalangan mahasiswa di 11 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menunjukkan tahap minat politik mereka rata-ratanya rendah dengan hanya 27.2 peratus yang dikatakan telah mendaftar sebagai pengundi. Perubahan yang dilakukan terhadap struktur dan sistem pendaftaran pemilih SPR ini berjaya melonjakkan jumlah pengundi baharu yang secara langsung dapat menerapkan kesedaran politik khasnya kepada generasi muda yang menjadi tunjang kepada penentuan nasib dan masa depan negara.

Pengundi baharu ini kebanyakannya kumpulan yang baharu menamatkan alam persekolahan, sedang menuntut di IPT, kumpulan yang baharu menamatkan pengajian mereka dan kumpulan yang baharu melibatkan diri dalam sektor pekerjaan. Bertepatan dengan semangat anak muda, golongan ini seringkali bersifat agresif, mempunyai sifat ingin tahu dan ingin cuba yang tinggi, bersikap kritikal, berani, kurang sabar dan lebih terbuka dalam menyuarakan pandangan mereka.^{9,10} Kecenderungan para pengundi baharu juga dilihat lebih dinamik, oportunistis dan progresif.¹¹ Oleh sebab itu mereka memerlukan ruang yang lebih bebas, luas dan terbuka tanpa sekatan yang terlalu rigid untuk mereka melontarkan idea serta pendapat mereka dalam cara gaya berpolitik di medan demokrasi baharu ini. Mereka juga seringkali membandingkan perkembangan demokrasi dalam negara dengan negara-negara lain khususnya dalam isu yang melibatkan hak asasi manusia, peranan kerajaan, ketelusan dalam pelaksanaan pilihan raya, fungsi pembangkang¹² dan isu yang melibatkan integriti. Dengan

menelusuri perkembangan tersebut, banyak kajian terhadap pengundi baharu berkisar terhadap perspektif literasi dan kesedaran politik golongan belia.^{13,14} Hal ini kerana kajian literasi politik belia dan gerakan aktivisme adalah suatu usaha yang kompleks, tidak mencukupi sekiranya ditekankan dalam sistem kurikulum pendidikan sahaja,^{15,16} dan melibatkan pelbagai dimensi kehidupan berpolitik. Apa yang nyata, implikasi literasi politik membawa kepada peningkatan penglibatan generasi muda dalam berpolitik secara objektif dan rasional,¹⁷ serta mampu membentuk pengundi muda untuk lebih kritikal, prihatin dan menjawai perkembangan semasa yang berlaku dalam negara.

Kajian lepas menunjukkan generasi muda memiliki perspektif tersendiri dalam pemilihan calon pilihan raya berdasarkan kepada beberapa domain spesifik seperti latar belakang pendidikan, umur, jantina serta lokasi kawasan¹⁸ di samping faktor sosiologikal imaginasi lain yang dipengaruhi oleh proses sosialisasi seseorang individu. Ini juga terbukti menerusi pola pengundian dalam PRU15 yang lalu.¹⁹ Tidak hairanlah mengapa fahaman politik generasi muda dilihat telah merentasi sempadan bangsa dan agama serta bersifat lebih universal.²⁰ Perkara ini juga turut dibuktikan melalui kajian sarjana Malaysia sebelum ini yang menjelaskan bahawa generasi muda inginkan sebuah parti yang berbilang etnik, inklusif untuk semua rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.²¹ Generasi muda juga dikatakan lebih matang dalam berpolitik dan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada perkembangan demokrasi moden serta menjadi kuasa penentu dalam proses pilihan raya. Selain itu, generasi muda juga telah membawa kemunculan baharu dalam proses pilihan raya di mana mereka telah menunjukkan anjakan besar dari generasi merdeka kepada generasi pasca merdeka yang menuntut perubahan ketara dalam strategi meraih sokongan.²² Kegagalan dalam memahami citara politik generasi ini sudah pasti akan merugikan sesebuah parti atau perjuangan politik. Tambahan lagi, dalam konteks hari ini, generasi muda dikatakan tidak menyokong pihak kerajaan dan lebih cenderung memihak kepada pembangkang, namun pembuktian tidak ditunjukkan dalam kajian saintifik²³ atau secara lebih emperikal. Ironinya, tingkat literasi dan kesedaran politik generasi muda di Malaysia hari ini jauh melangkaui tahap kematangan yang sebelum ini banyak menjadi persoalan tidak pasti.

Kebanyakan kajian lepas juga menunjukkan kecenderungan pengkaji lebih kepada kajian yang melibatkan trend pengundian kumpulan etnik tertentu seperti kajian pola pengundian etnik Melayu semasa PRU-13. Kajian Junaidi et al.²⁴ dan Junaidi (2023), menumpukan kepada pola pengundi Melayu mengikut kawasan (negeri, bandar-luar bandar) dan antara kelas masyarakat (kumpulan elit dan pertengahan). Secara keseluruhannya, kajian mereka mendapati pola pengundian etnik Melayu berbeza mengikut lokasi dan kelas masyarakat yang turut dipengaruhi oleh faktor seperti sumber maklumat politik, latar belakang ekonomi individu, politik pembangunan, faktor isu, kepemimpinan, ideologi dan juga faktor sosiologi pengundi.

Di samping itu, bertepatan dengan trend kontemporari iaitu generasi muda banyak menggunakan teknologi dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka, kajian penglibatan politik juga turut memberikan perhatian terhadap senario ini. Penglibatan politik generasi muda secara dalam talian khususnya melalui medium media sosial untuk mendapatkan informasi dan maklumat terkini tanpa batasan dikatakan menjadi pemangkin kepada mereka untuk lebih aktif dalam berpolitik, yang secara langsung menyokong spektrum demokrasi maklumat media baharu.²⁵ Tahap penglibatan politik secara atas talian juga tinggi dalam kalangan mahasiswa kerana dipengaruhi oleh faktor kepentingan politik, kemahiran penggunaan internet dan komunikasi melalui media sosial yang amat meluas hari ini.²⁶ Ironinya, penggunaan media yang berleluasa tanpa sempadan sama ada melalui media elektronik, media cetak, maupun media sosial akan meningkatkan literasi politik pengundi di mana mereka menunjukkan kefahaman tinggi dalam politik apabila mampu menganalisis dan memberikan pandangan mereka sebagai seorang pemilih.²⁷ Perkembangan tersebut turut meningkatkan kematangan dalam berpolitik apabila pengundi baharu khasnya tidak lagi mudah terpengaruh dengan

pelbagai dakyah dan politik kebencian tanpa membuat sebarang penilaian bijaksana terhadap sesuatu maklumat yang diterima. Ini kerana medium media sosial menjadi mekanisme terkini yang efektif dalam menyampaikan sesuatu maklumat dan berita, akan tetapi ia seringkali disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan fitnah serta berita palsu bertujuan untuk mewujudkan politik kebencian.²⁸


Berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dijalankan, kajian terhadap pengundi baharu khususnya UNDI18 dalam PRU15 masih tidak banyak dilaksanakan memandangkan ini adalah suatu senario baharu di Malaysia dan pilihan raya umum baru sahaja selesai dilaksanakan. Selain itu, walaupun terdapat beberapa kajian awal atau pra-PRU15 dilaporkan di media massa^{29,30,31,32} yang melibatkan persepsi awal pengundi sebelum PRU15 tetapi sangat terbatas yang diterbitkan secara ilmiah.³³ Sehubungan itu, amat bertepatan makalah ini memberikan fokus yang lebih rinci dalam mengupas persoalan ini dari pelbagai sudut pandang khususnya dalam melihat kecenderungan pengundi baharu yang pertama kali mengundi dalam PRU15. Dapatkan kajian ini dijangka mampu mengisi kelompongan korpus ilmu yang wujud ketika ini dalam konteks penentuan pola sokongan dan kriteria yang menjadi tumpuan para pengundi baharu di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasi pendekatan kuantitatif melalui teknik survei menggunakan borang soal selidik secara dalam talian iaitu menerusi aplikasi *Google Form*. Survei ini telah diedarkan secara terbuka dalam kalangan pengundi Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas, di mana mereka yang layak mengundi sahaja dijadikan sasaran kajian. Survei ini telah dilaksanakan dalam tempoh dua minggu sebelum PRU15 berlangsung iaitu bermula 05 November sehingga 18 November 2022 iaitu dalam tempoh kempen pilihan raya. Jumlah responden yang melibatkan diri secara sukarela dalam survei ini ialah seramai 1,438 orang. Medium utama pengedaran survei ini adalah melalui kumpulan *Whatsapp* dengan bantuan para mahasiswa di Universiti Putra Malaysia. Bentuk pensampelan yang digunakan adalah secara rawak mudah untuk memberi kesempatan kepada pengundi Malaysia menyatakan pandangan mereka tentang kecenderungan sokongan politik mereka dalam PRU15. Daripada jumlah responden 1,438 orang tersebut, seramai 584 orang adalah kategori pengundi baharu yang pertama kali mengundi di mana kumpulan sasar tersebut menjadi fokus utama dalam analisis makalah ini. Bentuk analisis yang digunakan adalah secara deskriptif menggunakan peratusan dalam menunjukkan pola kecenderungan sokongan politik mereka.

Hasil Kajian


Berdasarkan kepada survei yang telah dilaksanakan, jumlah pengundi baharu khususnya yang berusia dalam lingkungan 18 hingga 20 tahun adalah seramai 584 orang. Daripada jumlah 584 orang tersebut (Rajah 1), sebanyak 84.2 peratus adalah pengundi Melayu iaitu seramai 492 orang, 9.4 peratus pengundi Cina iaitu seramai 55 orang, 3.3 peratus pengundi India iaitu seramai 19 orang, Bumiputera Sarawak, Sabah dan lain-lain kumpulan etnik masing-masing sebanyak 1.5 peratus, 0.7 peratus dan 1.2 peratus. Tidak dinafikan jumlah responden adalah tidak sekata memandangkan tempoh survei yang dilaksanakan dalam jangka masa yang agak singkat dan pengedaran *Google Form* lebih banyak tertumpu dalam kalangan kumpulan *Whatsapp* sahaja.



Rajah 1: Kumpulan Etnik Responden N=584

Sumber: Survei Atas Talian 2022.

Merujuk kepada Rajah 2, dari aspek kecenderungan aliran politik pengundi baharu, sebahagian besar responden iaitu sebanyak 50 peratus responden merupakan mereka lebih cenderung untuk menyokong aliran politik yang bersifat nasionalis atau memperjuangkan kepentingan kebangsaan. Sementara itu, hanya sebanyak 25.2 peratus responden menyatakan mereka lebih cenderung untuk menyokong aliran politik yang memperjuangkan kedaulatan Islam (bersifat Islamis), sebanyak 18.5 peratus menyatakan mereka lebih cenderung untuk menyokong aliran politik bebas, manakala sebanyak 3.9 peratus responden yang menyatakan mereka lebih cenderung untuk menyokong aliran perjuangan yang memartabatkan bangsa atau kumpulan kaum sendiri. Sebanyak 2.4 peratus responden pula menyatakan mereka cenderung untuk menyokong aliran politik lain-lain yang antaranya seperti menyokong aliran yang memperjuangkan hak asasi manusia.




Rajah 2: Kecenderungan Aliran Politik Pengundi Baharu

Sumber: Survei Atas Talian 2022.

Rajah 3 pula menunjukkan kriteria penentuan pilihan para pengundi baharu di mana sebanyak 28.3 peratus responden menyatakan mereka akan mengundi berdasarkan kepada isu semasa yang berlaku dalam negara. Sebanyak 27.9 peratus responden menyatakan mereka akan mengundi berdasarkan kepada calon pilihan terbaik dan sebanyak 27.2 peratus responden menyatakan mereka

Kecenderungan Pengundi Baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15


akan mengundi berdasarkan kepada parti politik. Dalam pada itu, sebanyak 14.4 peratus responden menyatakan mereka akan mengundi berdasarkan kepada janji yang diketengahkan dalam manifesto pilihan raya bagi setiap gabungan atau kerjasama parti politik. Sebanyak 2.2 peratus responden menyatakan mereka akan mengundi berdasarkan kepada lain-lain aspek yang berkaitan dengan pilihan raya.



Rajah 3: Kriteria Penentuan Pilihan Pengundi Baharu

Sumber: Survei Atas Talian 2022.

Di samping itu, Rajah 4 menunjukkan tentang pandangan pengundi baharu tentang bentuk kerjasama parti politik yang paling sesuai untuk membentuk kerajaan Malaysia. Daripada jumlah 584 responden, sebanyak 38.4 peratus responden melihat kerjasama politik Perikatan Nasional yang paling sesuai membentuk kerajaan, sebanyak 35.4 peratus responden berpandangan kerjasama politik Pakatan Harapan yang paling sesuai membentuk kerajaan, sementara itu sebanyak 18.3 peratus responden menyatakan kerjasama politik Barisan Nasional yang paling sesuai membentuk kerajaan. Pandangan yang menyatakan kerjasama politik melalui Gerakan Tanah Air sesuai membentuk kerajaan hanyalah 1.4 peratus sahaja daripada jumlah keseluruhan responden yang dianalisis, manakala sebanyak 6.5 peratus responden menyatakan bentuk kerjasama politik lain yang lebih sesuai membentuk kerajaan Malaysia.




Rajah 4: Pandangan Pengundi Baharu Tentang Bentuk Kerjasama Parti Politik

Yang Sesuai Untuk Membentuk Kerajaan

Sumber: Survei Atas Talian 2022.

Rajah 5 menunjukkan ciri pemimpin pilihan pengundi baharu. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 87.67 peratus responden cenderung untuk memilih pemimpin yang bebas daripada rasuah, sebanyak 80.14 peratus responden cenderung untuk memilih pemimpin yang tidak mungkir janji, sebanyak 79.28 peratus responden cenderung untuk memilih pemimpin yang berpendidikan tinggi, sebanyak 71.75 peratus responden cenderung untuk memilih pemimpin yang mempunyai manifesto jelas, dan sebanyak 68.49 peratus responden cenderung untuk memilih pemimpin yang berpengalaman dalam politik. Selebihnya kecenderungan pemimpin pilihan pengundi baharu seperti mana yang disenaraikan dalam Rajah 5 berikut.



Rajah 5: Ciri Pemimpin Pilihan Pengundi Baharu

Sumber: Survei Atas Talian 2022.

Perbincangan

Kecenderungan pengundi baharu dalam PRU15 dapat dilihat dari empat dimensi utama yang berjaya dicungkil melalui kajian yang telah dijalankan. Walaupun hasil kajian ini tidak dapat dijadikan sebagai generalisasi umum kepada semua pengundi baharu di Malaysia, tetapi hasil kajian ini boleh diletakkan sebagai indikator asas dalam penentuan kecenderungan pengundi baharu. Dari dimensi aliran politik pengundi baharu, sebahagian besar kumpulan responden yang dikaji lebih cenderung untuk menyokong aliran politik yang bersifat nasional dan memperjuangkan kepentingan kebangsaan. Berdasarkan kepada kecenderungan ini, pengundi muda dilihat mempunyai tahap patriotisme yang tinggi³⁴ terhadap negara sejarah dengan kejayaan pembangunan pendidikan berterusan yang memberikan penekanan khusus terhadap elemen pembentukan jati diri yang lebih unggul. Dari perspektif yang lain pula, kebanyakan responden menjawab survei ini bermungkinan besar mempunyai latar belakang pendidikan yang lebih baik seperti seorang mahasiswa di IPT yang mendapat pendedahan terbaik dalam pemupukan jati diri yang lebih patriotik di samping mendapat pendedahan meluas tentang perkembangan isu politik semasa yang berlaku dalam negara. Namun, tidak dinafikan juga bahawa kumpulan responden yang bukan mahasiswa di IPT turut mendapat pendedahan politik melalui penggunaan media sosial yang cukup meluas mutakhir ini seperti *Whatsapp*, *Twitter*, *Facebook*, *Telegram*, *Instragram* dan *TikTok* yang digunakan sebagai medium kempen utama parti-parti politik. Generasi muda ini sedar bahawa perjuangan yang bersifat nasionalis dan kebangsaan perlu dijadikan sandaran utama dalam cara gaya berpolitik masa kini supaya kehidupan mereka tidak jauh tersasar dari landasan kehidupan bernegara. Kecenderungan kedua aliran politik pengundi baharu lebih bersifat Islamis. Hal ini sememangnya sudah boleh dijangka memandangkan kebanyakan responden adalah terdiri daripada orang-orang Melayu yang beragama Islam. Parti politik yang memperjuangkan agenda Islam seperti PAS gagal mendapat sokongan yang baik daripada pengundi bukan Melayu atau bukan Islam kerana parti tersebut dilihat agak ekstrim dan kurang memberikan perhatian terhadap kebijakan orang bukan Islam.³⁵

Dalam pada itu, dari dimensi kriteria penentuan pilihan para pengundi baharu adalah lebih cenderung untuk mengundi berdasarkan kepada isu semasa yang berlaku dalam negara. Ini selari dengan hasil kajian Junaidi et al. (2012) dan Junaidi (2023) yang melihat kecenderungan golongan belia untuk mengundi lebih tertumpu kepada isu ekonomi yang melibatkan peluang pekerjaan, kadar gaji yang setimpal dengan kelayakan, kemudahan jalur lebar atau internet, biasiswa³⁶ serta pinjaman pendidikan, kos sara hidup dan pelbagai aspek lain lagi. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati kriteria penentuan pilihan para pengundi baharu juga berdasarkan calon pilihan terbaik dan pilihan berdasarkan kepada parti politik. Pilihan calon dan parti politik yang sesuai dengan selera pengundi sudah menjadi kebiasaan dalam pola pilihan raya di Malaysia. Kriteria personaliti calon yang mempunyai pengetahuan agama, kelayakan akademik yang baik, sebangsa, calon tempatan, berkeperibadian jujur, amanah dan bersih daripada rasuah³⁷ serta muda biasanya manjadi keutamaan bagi pengundi. Apa yang lebih penting ialah calon yang akan dipilih perlu bertanggungjawab mewakili rakyat, mementingkan kebijakan dan keperluan rakyat, tidak mementingkan keutamaan diri terutamanya dalam proses pembuatan sesuatu keputusan yang melibatkan kepentingan bersama.³⁸ Begitu juga pilihan berdasarkan kriteria parti politik, hanya parti politik yang boleh dipercayai dan berprinsip akan disokong oleh pengundi³⁹ selain dari membawa agenda perjuangan yang jelas serta meletakkan agenda kepentingan negara sebagai keutamaan.

Para pengundi baharu mempunyai pendirian dan pandangan tersendiri dalam melihat kerjasama politik yang paling sesuai membentuk kerajaan Malaysia. Kerjasama politik Perikatan Nasional (PN) menjadi pilihan kebanyakan responden dan diikuti dengan kerjasama politik Pakatan Harapan (PH). Kecenderungan yang ditunjukkan tersebut hampir seiring dengan keputusan PRU15 di

mana PN telah memenangi sebanyak 74 kerusi Parlimen manakala PH pula telah berjaya memenangi sebanyak 82 kerusi Parlimen.⁴⁰ Kerjasama politik di bawah Barisan Nasional (BN) semakin kurang mendapat tempat di hati pengundi baharu khususnya di beberapa kawasan Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia. Kemerosotan sokongan terhadap BN bermula sejak dari PRU13, kalah teruk sewaktu PRU14⁴¹ dan semakin merundum ketika PRU15. Senario ini bertepatan dengan kecenderungan ciri pemimpin pilihan responden yang akan memberikan mandat kepada pemimpin bebas daripada rasuah, tidak mungkir janji dan berpendidikan tinggi. Terdapat beberapa pimpinan utama BN dilihat banyak terpalit dengan kes rasuah dan salah guna kuasa menjadi faktor utama penolakan pengundi baharu terhadap kerjasama politik BN.

Berdasarkan kepada pola kecenderungan yang ditunjukkan oleh pengundi baharu yang pertama kali mengundi ini, mereka dilihat sudah mempunyai tingkat intensiti literasi politik yang baik selain turut mendokong nilai-nilai sivil yang dibangkitkan dalam kehidupan masyarakat umum. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya sikap kematangan dan keterbukaan apabila mereka mengemukakan pandangan terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan aspek politik.⁴² Keterbukaan berpolitik dalam kalangan pengundi baharu ini sememangnya tidak boleh dinafikan kerana faktor perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi terkini yang amat canggih dan komprehensif. Perkembangan ini boleh dilihat dengan jelas melalui penggunaan media sosial yang cukup meluas bukan sahaja untuk tujuan komunikasi, tetapi menjadi platform baru bagi melibatkan diri dalam politik secara langsung mahupun tidak langsung.⁴³ Kecanggihan media sosial hari ini menerusi pelbagai medium seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Instagram*, *Telegram*, *Twitter*, *YouTube*, *Line*, *WeChat*, *Snapchat*, *Messenger* dan bermacam lagi telah memudahkan penyebaran informasi dan maklumat dengan begitu pantas, efektif, tanpa batas masa dan mudah dicapai tidak kira di mana berada.⁴⁴

Apa yang jelas, dalam perkembangan demokrasi moden ini, pengundi baharu telah mula beranjak walaupun masih lagi secara perlahan-lahan daripada kerangka politik yang sebelum ini lebih berkisar kepada *ethno-nation* kepada bentuk politik yang lebih bersifat *civic-nation*.⁴⁵ Latar belakang politik Malaysia sebelum ini lebih bersifat *ethno-nation* di mana pengelompokan masyarakat untuk berpolitik berpaksikan kumpulan etnik, agama, keturunan, bahasa, budaya, adat tradisi dan pengekalan status quo⁴⁶ tidak lagi menjadi perkara yang paling utama para pengundi baharu ini. Wujud naratif baharu dalam generasi hari ini yang menyerap dan menerima nilai-nilai *civility* dengan lebih meluas. Generasi hari ini mahukan ketelusan, kebebasan, keadilan, kesaksamaan, keseimbangan kuasa, nilai integriti yang tinggi, persoalan hak asasi, daulat-merdeka, toleransi dan penyertaan sosial.⁴⁷ Naratif baharu ini seiring dengan perubahan masyarakat yang mula menunjukkan anjakan daripada teras *ethno-nation* kepada bentuk politik *civic-nation* yang lebih terbuka sifatnya. Indikator asas berkembangnya nilai-nilai *civility* dalam kalangan pengundi baharu ini boleh dijadikan sandaran dalam membezakan dimensi aliran pengundi baharu dengan pengundi sedia ada. Nilai kecenderungan pilihan pengundi baharu hari ini amat signifikan dengan intipati ideologi yang diterapkan dalam sesuatu wacana politik semasa⁴⁸ atau kempen-kempen yang dibawa. Realitinya, parti-parti politik yang dilihat memperjuangkan agenda menentang rasuah, salah guna kuasa, menjulang integriti dan ketelusan mendapat lebih banyak sokongan pengundi baharu sepertimana yang diperjuangkan dalam PH dan PN. Soal pengekalan ‘status quo’ yang bersifat konservatif bukanlah lenyap sepenuhnya tetapi telah diadunkan dengan kepentingan memartabatkan nilai-nilai *civility* bagi memastikan kepimpinan teraju pemerintahan adalah telus, adil, saksama dan berintegriti. Sepertimana yang ditegaskan oleh Majlis Belia Malaysia (MBM), “pilihlah pemimpin yang berintegriti dan amanah serta mampu mentadbir dengan baik. Mengundilah dengan bijak dan tenang tanpa dipengaruhi sesiapa, ingatlah, satu undi anda memberi kesan kepada masa depan kita semua”.⁴⁹

Sebelum ini pangadaptasian budaya politik naungan amat kuat terjalin dalam kelestarian politik masyarakat khususnya dalam kalangan orang-orang Melayu, tetapi selepas PRU14 dan

menjelang PRU15, politik naungan tidak lagi menjadi pengikat antara pemimpin kerajaan dengan orang bawahan.⁵⁰ Generasi muda kini tidak lagi taksub kepada pemimpin tertentu yang mungkin telah banyak menabur jasa kepada mereka selama ini. Pematuhan kepada pemimpin tertentu seperti mengenang budi mula dilihat dari perspektif yang berbeza terutamanya dalam konteks peranan sebenar pemimpin dan pelaksanaan tanggungjawab pemimpin kepada rakyat.⁵¹ Semakin luntur budaya politik naungan turut menjadi indikator berkembangnya nilai-nilai *civility* khususnya dalam kalangan pengundi baharu ini. Kecenderungan mereka tidak sepenuhnya melihat budi atau bakti pemimpin sebagai sesuatu yang mengikat undi mereka, tetapi agenda memartabatkan soal ketelusan dan keadilan menjadi keutamaan dalam menjamin pembentukan kerajaan yang lebih stabil, bermaruah dan dihormati.

Dalam pada itu, pengundi baharu turut dilihat berkecenderungan untuk mengundi bagi mewujudkan kestabilan politik yang berterusan. Perkara ini selari dengan tema kempen parti-parti politik yang bertanding dalam mengetengahkan konsep kerajaan gagal, persoalan integriti dan ketidakcekapan⁵² khususnya dalam menangani peningkatan kos sara hidup rakyat. Banyak perkara berbangkit yang berjaya diketengahkan dengan baik oleh PH dan PN menerusi medium media sosial seperti *Twitter* dan *TikTok* khususnya dalam menyelar tindakan kerajaan BN sebelum ini atas percaturan politik yang menjelaskan kestabilan negara. Tren tersebut ternyata membawa hasil dalam menarik sokongan pengundi baharu semasa PRU15 lalu.

Kesimpulan

Kecenderungan pengundi baharu dalam PRU15 didapati cukup unik, dinamik dan kompleks seiring dengan perkembangan dan perubahan dalam sistem demokrasi moden yang semakin diperkasa ketika ini. Pola sokongan politik mereka pada sesebuah kerjasama politik tidak bersifat mutlak, akan sentiasa berubah dan kebanyakan mereka lebih cenderung untuk kekal sebagai pengundi atas pagar. Ini turut diakui oleh beberapa pihak.⁵³ Realitinya, mana-mana bentuk kerjasama politik yang mahu mendapatkan sokongan para pengundi baharu ini perlu lebih prihatin memahami citarasa politik mereka, mengaplikasi medium media sosial yang lebih dekat di hati mereka dan menterjemahkan segala janji yang dilontarkan dalam pilihan raya lepas. Mereka bukan lagi anak kecil yang boleh digula-gulakan, mereka juga sudah bijak dalam menilai sesuatu yang digembar-gemburkan dan mereka juga tidak mudah terpengaruh dengan ‘janji manis orang politik’. Ini kerana tingkat intensiti literasi politik generasi muda ini sudah jauh lebih baik dari apa yang disangkakan. Buktinya, mereka matang menilai sesuatu isu dengan lebih bijaksana melalui mekanisme maklumat di hujung jari, berupaya menentukan aliran politik dan mempunyai pendirian tersendiri dalam memutuskan apa yang terbaik untuk mereka. Mereka juga telah melalui proses anjakan daripada politik yang berteraskan *ethno-nation* kepada bentuk politik yang bersifat *civic-nation*. Signifikan dengan itu, generasi muda ini akan sentiasa menjadi penentu perubahan arus sokongan politik yang tidak terkait dengan eleman politik naungan seperti mana generasi dahulu. Mereka juga boleh manjadi pemangkin kepada perubahan dalam masyarakat umumnya dan kepimpinan negara khususnya. Sehubungan itu, makalah ini mencadangkan agar kajian kecenderungan pengundi baharu ini dapat diperluaskan kepada Pilihan Raya Negeri (PRN) yang bakal dilaksanakan nanti terutamanya dalam mendapatkan bukti emperikal yang lebih kukuh bagi menilai pola kecenderungan aliran politik mereka.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian Pilihan Raya Umum ke-15 yang dijalankan pada bulan November 2022 di bawah Pasukan Penyelidikan Nusa Bangsa (NUSA). Pasukan penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pasukan Penyelidikan Nusa Bangsa (NUSA), Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK), Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM) atas kejayaan penghasilan data kajian yang cukup bermakna ini.

Nota

¹ Berita Harian Online, Dewan Negara lulus pindaan Perlembagaan turunkan umur mengundi kepada 18 tahun. 25 Julai 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/589169/dewan-negara-lulus-pindaan-perlembagaan-turunkan-umur-mengundi-kepada>.

² Suruhanjaya Pilihan Raya, Warta Kerajaan Persekutuan, 2021, <https://www.spr.gov.my/ms/warta-kerajaan-persekutuan>.

³ Sinar Harian, Lebih sejuta belia usia 18 hingga 20 tahun mengundi kali pertama. 20 Oktober 2022, <https://www.sinarharian.com.my/article/226836/berita/nasional/lebih-sejuta-belia-usia-18-hingga-20-tahun-mengundi-kali-pertama>.

⁴ Suruhanjaya Pilihan Raya, Pelaksanaan Umur Kelayakan Pengundi 18 Tahun dan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA), 1 2021, <https://www.spr.gov.my/ms/pilihan-raya/soalan-lazim/pelaksanaan-umur-kelayakan-pengundi-18-tahun-dan-pendaftaran-pemilih>.

⁵ Junaidi Awang Besar, Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia (Political change in the 14th general election (GE), 2018 in Malaysia). *Geografia*, 15(4) 2019, 220-232.

⁶ Malaysia Gazzette, Pilihan Raya Negeri Johor: Permulaan Era Pengundi Muda? (31 Januari 2022). <https://malaysiagazzette.com/2022/01/31/pilihan-raya-negeri-johor-permulaan-era-pengundi-muda/>.

⁷ Sinar Harian, PRN Johor: Undi18 bawa calon lebih muda, muka baharu 21 Mac 2022 <https://www.sinarharian.com.my/article/193834/berita/nasional/prn-johor-undi18-bawa-calon-lebih-muda-muka-baharu>.

⁸ Mohd Fuad Mat Jali, Rashila Ramli, Mohd Yusof Kassim, Minat, aspirasi dan pilihan politik belia IPT Malaysia. Dlm. Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof Hj. Abdullah, Rozmi Ismail (pnyt.). Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Realiti Generasi Muda Melangkah ke Hadapan. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 20025.

⁹ Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman & Zulkanain Abdul Rahman, Pengundi muda dan pilihan raya kecil parlimen: Tumpuan kepada pilihan raya kecil parlimen Permatang Pauh, Kuala Terengganu dan Bukit Gantang. *Sarjana*, 25(1): 2010, 34-55.

¹⁰ Balqis Farhana Ismayuddin & Junaidi Awang Besar, Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1-20. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/491/406>, 2022.

¹¹ Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar. Undi 18, dinamika politik dan keselamatan negara: Analisa daripada pilihan raya negeri Johor. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2):2022, 1-14.

¹² Op.cit. Amer Saifude Ghazali et al.

¹³ Nor Najihah Zafari & Junaidi Awang Besar, Persepsi pengundi terhadap isu politik di kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(2), 1-14. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/530/442>, 2023.

¹⁴ Mohd Fuad Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Abdul Halim Sidek & Khaidzir Ismail, Minat, aspirasi dan sokongan politik belia IPT Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1(6), 99-116. <http://www.iyres.gov.my/images/MJYS/2009/MJYS%20Vol%201%20June%202009-71-84.pdf>, 2009.

Kecenderungan Pengundi Baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15

- ¹⁵ Robert, D. L. & Alan R. G, From periphery to center: Pathways for youth civic engagement in the day-to-day life of communities. *Applied Developmental Science*, 6(4):2002, 189–95.
- ¹⁶ Hopkins, N. & Coster, W, The levellers, political literacy and contemporary citizenship education in England. *Education, Citizenship and Social Justice*, 14(1): 68-81.2019, <https://doi.org/10.1177/174619791876008>.
- ¹⁷ Nora Eka Putri & Adil Mubarak, Influence of political literacy on the political participation of beginner voters in regional elections. *Advances in Economics, Business and Management Research*, 125: 2019, 311-317.
- ¹⁸ Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi & Samsudin Suhaili, Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1):2020, 80-94. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1601-07>.
- ¹⁹ Junaidi Awang Besar, Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola Sokongan Pengundi Berdasarkan Faktor Kewilayahannya. e-BANGI, 20(1),2023, 164-176. <http://journalarticle.ukm.my/21506/1/Pilihan%20Raya%20Umum%20Malaysia%20ke%202015%20Pola%20Sokongan%20Pengundi%20Berdasarkan%20Faktor%20Kewilayahannya.pdf>.
- ²⁰ Op.cit. Yazid Salleh et. Al, 2020.
- ²¹ Sivamurugan Pandian, University students and voting behavior in general elections: Perceptions on Malaysian political parties leadership. *Asian Social Science*, 10(18):2014, 225-231.
- ²² Mujib Abd. Muis, Zaliha Hussin & Badrul Azmier Mohamed, Perubahan generasi dan perkembangan demokrasi di Malaysia pasca pilihan raya umum ke-12. Dlm. Mohd. A. Sani & Aziz, A.R.A. (pnyt.), *Agenda Ketahanan Nasional Malaysia*. IPDM, Universiti Utara Malaysia. 2011,
- ²³ Op.cit. Yazid Saleh et al.
- ²⁴ Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, Sity Daud & Mohd Faidz Mohd Zain, Pilihan Raya Umum (PRU) 2013: Satu tinjauan kritis terhadap pola pengundian etnik Melayu. *Jurnal Melayu*, 2013, 14(1), 64-91.
- ²⁵ Fatimah Akmal & Ali Salman, , Partisipasi politik belia secara ‘online’ melalui ruang demokrasi maklumat media baru. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 2015, 31(1): 81–100.
- ²⁶ Nadeya Zainon, Rugayah Hashim & Nursyahida Zulkifli, Political voice of young Malaysians: Online political participation among university students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*,2017, 7(8): 649–54.
- ²⁷ Jasmi Mohd. Nasier, Zaini Othman, Eko Prayitno Joko & Mohammad Haziq Ikhsan Mohd. Rudzainoor, Media dan literasi politik di Sabah menjelang PRU-14: Kajian kes Parlimen Tawau. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 2018, 199-221.
- ²⁸ Shamsul Amri Baharuddin, Media sosial ada baik dan buruknya. www.ukm.my/news.2018, Diakses pada 31 Mac 2023.
- ²⁹ Mohd Lokman Khairi. PRU-15: Hanya ambil kira kajian badan bebas, bukan yang terima dana parti politik. Harian Metro, 12 November 2022, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/11/902793/pru-15-hanya-ambil-kira-kajian-badan-bebas-bukan-yang-terima-dana-parti>.
- ³⁰ Norafiza Jaafar. PRU15: Kajian tak semesti tepat, semua ada peluang menang. Sinar Harian, 16 November, 2022, <https://www.sinarharian.com.my/article/231566/berita/politik/pru15-kajian-tak-semesti-tepat-semua-ada-peluang-menang>.
- ³¹ Rohaniza Idris, PRU15: ‘Kajian kita dapati PKR juga sukar menang pilihan raya’. Oktober 25 2022, Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1016580/pru15-kajian-kita-dapati-pkr-juga-sukar-menang-pilihan-raya>.
- ³² Malaysiakini, Ramalan PRU15 oleh tujuh badan penyelidikan, 18 November2022, <https://www.malaysiakini.com/news/644841>.

- ³³ Mohd Zamirul Mohd Dzaki, Sifat dan Tingkah Laku Politik Pengundi Undi-18 di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 7(11),2022, e001941-e001941.
- ³⁴ Mohd Hairul Anuar Razak, Jayum A. Jawan, Adlina Abd. Halim, Mohd Mahadee Ismail & Siti Aishah Misri, Penghayatan dan kesedaran patriotisme dalam kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2013, 8: 3-26.
- ³⁵ Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Muhammad Hazim Abdul Ghani, Prestasi dan penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 2020, 17(4): 60-77.
- ³⁶ Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Novel Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok, Rosmadi Fauzi, & Amer Saifude Ghazali, Kriteria pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Malaysia Journal of Society and Space*, 2012, 8(4): 44-55.
- ³⁷ Ibid.
- ³⁸ Ibid.
- ³⁹ Ibid.
- ⁴⁰ Berita Harian Online, Keputusan rasmi PRU15. 19 November 2022. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028360/keputusan-rasmi-pru15>.
- ⁴¹ Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, Pilihan Raya Umum ke-14, kewartawan, pemertikaian dan berakhirnya hegemoni Barisan Nasional. *Forum Komunikasi*, 16(1):2021, 92-123.
- ⁴² Mohd Mahadee Ismail, Mohd Sabri Md Nor & Zatul Himmah Adnan, Persepsi golongan belia terhadap ‘Malaysia Baharu’ dalam kerangka pembangunan komuniti di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4): 2019, 274-287.
- ⁴³ Mohd Mahadee Ismail & Syahrin Said, Budaya politik terbuka di Malaysia pasca 2020. Dlm. Mohd Izani Mohd Zaid, Adlina Ab Halim & Mohd Mahadee Ismail. Politik etnisiti dan peradaban: Malaysia pasca 2020. Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2022.
- ⁴⁴ Ibid.
- ⁴⁵ Mohd Mahadee Ismail, Dinamika integrasi politik melalui kerjasama politik di Malaysia: Teras kepada tapak integrasi masyarakat multi-etnik. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3):2020, 332-356.
- ⁴⁶ Ibid.
- ⁴⁷ Op.cit. Mohd Mahadee Ismail & Syahrin Said.
- ⁴⁸ Shahidah Abd Razak, Asmidar Lokman, Shawal Sahid Hamid @ Hussain & Nur Khairunnisa Liyana Ahmad, Dlm. Prosiding 3rd Invention, Innovation and Technology Competition (ITeC), UiTM Cawangan N. Sembilan, Kampus Seremban.
- ⁴⁹ Sinar Harian. (2022). PRU15: Pilih pemimpin berintegriti, amanah – MBM. (18 Nov). <https://www.sinarharian.com.my/article/231942/berita/nasional/pru15-pilih-pemimpin-berintegriti-amanah---mbm>, 2021.
- ⁵⁰ Op.cit. Mohd Mahadee Ismail & Syahrin Said.
- ⁵¹ Ibid.
- ⁵² Op.cit. Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar.
- ⁵³ Muhammad Yusri Muzamir, PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan. Berita Harian. 20 November. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028982/pru15-pola-undi-popular-berubah-sekara-signifikan>, 2023.

Rujukan

- Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman & Zulkanain Abdul Rahman. 2010. Pengundi muda dan pilihan raya kecil parlimen: Tumpuan kepada pilihan raya kecil parli.
- Azhar Shahrulnizam. 2022. "Sejarah Malaysia perlu Kajian Anak Tempatan," *Berita Harian*, Jun 27. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2022/06/970528/sejarah-malaysia-perlu-kajian-anak-tempatan>.
- Balqis Farhana Ismayuddin & Junaidi Awang Besar. 2022. Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1-20. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/491/406>.
- Berita Harian Online. 2022. Keputusan rasmi PRU15. 19 November 2022. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028360/keputusan-rasmi-pru15>.
- Berita Harian Online. 2019. Dewan Negara lulus pindaan Perlembagaan turunkan umur mengundi kepada 18 tahun. 25 Julai 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/589169/dewan-negara-lulus-pindaan-perlembagaan-turunkan-umur-mengundi-kepada>.
- Fatimah Akmal & Ali Salman. 2015. Partisipasi politik belia secara 'online' melalui ruang demokrasi maklumat media baru. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 31(1): 81–100.
- Hopkins, N. & Coster. 2019. The levellers, political literacy and contemporary citizenship education in England. *Education, Citizenship and Social Justice*, 14(1): 68-81. <https://doi.org/10.1177/174619791876008>.
- Jasmi Mohd. Nasier, Zaini Othman, Eko Prayitno Joko & Mohammad Haziq Ikhsan Mohd. Rudzainoor. 2018. Media dan literasi politik di Sabah menjelang PRU-14: Kajian kes Parlimen Tawau. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 199-221.
- Junaidi Awang Besar. 2019. Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia (Political change in the 14th general election (GE), 2018 in Malaysia). *Geografi*, 15(4), 220-232.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Novel Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok, Rosmadi Fauzi, & Amer Saifude Ghazali. 2012. Kriteria pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(4): 44-55.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, Sity Daud & Mohd Faidz Mohd Zain. 2013. Pilihan Raya Umum (PRU) 2013: Satu tinjauan kritis terhadap pola pengundian etnik Melayu. *Jurnal Melayu*, 14(1), 64-91.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Muhammad Hazim Abdul Ghani. 2020. Prestasi dan penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4): 60-77.
- Malaysiakini. 2022. Ramalan PRU15 oleh tujuh badan penyelidikan, 18 November. <https://www.malaysiakini.com/news/644841>.
- Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. 2021. Pilihan Raya Umum ke-14, kewartawan, pemertikaian dan berakhirnya hegemoni Barisan Nasional. *Forum Komunikasi*, 16(1): 92-123.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar. Undi 18, dinamika politik dan keselamatan negara: Analisa daripada pilihan raya negeri Johor 2022. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2): 1-14.
- Mohd Fuad Mat Jali, Rashila Ramli, Mohd Yusof Kassim. 2005. Minat, aspirasi dan pilihan politik belia IPT Malaysia. Dlm. Rohany Nasir, Hazita Azman, Ruzy Suliza Hashim, Mohd Yusof

- Hj. Abdullah, Rozmi Ismail (eds). *Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Realiti Generasi Muda Melangkah ke Hadapan*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Hairul Anuar Razak, Jayum A. Jawan, Adlina Abd. Halim, Mohd Mahadee Ismail & Siti Aishah Misri. 2013. Penghayatan dan kesedaran patriotisme dalam kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 8: 3-26.
- Mohd Mahadee Ismail. 2020. Dinamika integrasi politik melalui kerjasama politik di Malaysia: Teras kepada tapak integrasi masyarakat multi-etnik. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3): 332-356.
- Mohd Mahadee Ismail, Mohd Sabri Md Nor & Zatul Himmah Adnan. 2019. Persepsi golongan belia terhadap ‘Malaysia Baharu’ dalam kerangka pembangunan komuniti di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4): 274-287.
- Mohd Mahadee Ismail & Syahrin Said. 2022. Budaya politik terbuka di Malaysia pasca 2020. Dlm. Mohd Izani Mohd Zaid, Adlina Ab Halim & Mohd Mahadee Ismail. Politik etnisiti dan peradaban: Malaysia pasca 2020. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Lokman Khairi. 2022. PRU-15: Hanya ambil kira kajian badan bebas, bukan yang terima dana parti politik. Harian Metro. 12 November. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/11/902793/pru-15-hanya-ambil-kira-kajian-badan-bebas-bukan-yang-terima-dana-parti>.
- Mohd Zamirul Mohd Dzaki. 2022. Sifat dan Tingkah Laku Politik Pengundi Undi-18 di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001941-e001941.
- Muhammad Yusri Muzamir. 2023. PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan. Berita Harian. 20 November. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028982/pru15-polaundi-popular-berubah-sekara-signifikan>.
- Mujibu Abd. Muis, Zaliha Hussin & Badrul Azmier Mohamed. 2011. Perubahan generasi dan perkembangan demokrasi di Malaysia pasca pilihan raya umum ke-12. Dlm. Mohd. A. Sani & Aziz, A.R.A. (pnyt.), *Agenda Ketahanan Nasional Malaysia*. IPDM, Universiti Utara Malaysia.
- Nadeya Zainon, Rugayah Hashim & Nursyahida Zulkifli. 2017. Political voice of young Malaysians: Online political participation among university students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(8): 649–54.
- Nora Eka Putri & Adil Mubarak. 2019. Influence of political literacy on the political participation of beginner voters in regional elections. *Advances in Economics, Business and Management Research*, 125: 311-317.
- Norafiza Jaafar. 2022. PRU15: Kajian tak semesti tepat, semua ada peluang menang. Sinar Harian, 16 November. <https://www.sinarharian.com.my/article/231566/berita/politik/pru15-kajian-tak-semesti-tepat-semua-ada-peluang-menang>.
- Nor Najihah Zafari & Junaidi Awang Besar 2023. Persepsi pengundi terhadap isu politik di kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(2), 1-14. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/530/442>.
- Robert, D. L. & Alan R. G. 2002. From periphery to center: Pathways for youth civic engagement in the day-to-day life of communities. *Applied Developmental Science*, 6(4): 189–95.
- Rohaniza Idris. 2022. PRU15: ‘Kajian kita dapati PKR juga sukar menang pilihan raya’. Berita Harian. 25 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1016580/pru15-kajian-kita-dapati-pkr-juga-sukar-menang-pilihan-raya>.

Kecenderungan Pengundi Baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15

- Sinar Harian. 2022. Lebih sejuta belia usia 18 hingga 20 tahun mengundi kali pertama. 20 Oktober 2022. <https://www.sinarharian.com.my/article/226836/berita/nasional/lebih-sejuta-belia-usia-18-hingga-20-tahun-mengundi-kali-pertama>.
- Sivamurugan Pandian. 2014. University students and voting behavior in general elections: Perceptions on Malaysian political parties leadership. *Asian Social Science*, 10(18): 225-231.
- Shahidah Abd Razak, Asmidar Lokman, Shawal Sahid Hamid @ Hussain & Nur Khairunnisa Liyana Ahmad. 2021. Dlm. Prosiding 3rd Invention, Innovation and Technology Competition (ITeC), UiTM Cawangan N. Sembilan, Kampus Seremban.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2018. Media sosial ada baik dan buruknya. www.ukm.my/news. Diakses pada 31 Mac 2023.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. 2021. Pelaksanaan Umur Kelayakan Pengundi 18 Tahun dan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA). <https://www.spr.gov.my/ms/pilihan-raya/soalan-lazim/pelaksanaan-umur-kelayakan-pengundi-18-tahun-dan-pendaftaran-pemilih>
- Suruhanjaya Pilihan Raya. 2021. Warta Kerajaan Persekutuan. <https://www.spr.gov.my/ms/warta-kerajaan-persekutuan>.
- Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi & Samsudin Suhaili. 2020. Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1): 80-94. <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1601-07>.